

HIMPUNAN USAHAWAN

# Pusat sehenti ETC bantu usahawan

➔ Gabung pelbagai agensi berkaitan bawah satu bumbung

Oleh Syed Umar Ariff dan Fahmy Azril Rosli  
cnews@nstp.cpm.my

■ Kuala Lumpur

**P**usat Transformasi Keusahawanan (ETC) akan dibangunkan bagi memainkan peranan sebagai pusat sehenti untuk membantu usahawan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata ETC menggunakan konsep Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RLC) yang mengumpulkan pelbagai agensi kerajaan dan pelbagai kemudahan di bawah satu bumbung.

Beliau berkata, fungsi pusat ini berbeza dengan UTC dan RLC kerana bakal mempunyai pelbagai agensi yang berkaitan keusahawanan antaranya SME Corporation (SME Corp), Perbadanan Usahawan Nasional Bhd, (PUNB), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

"ETC tidak hanya menyediakan agensi yang menawarkan perkhidmatan pembiayaan, malah turut mempunyai bilik seminar dan ruang berniaga kepada orang ramai.

## Projek perintis ETC di Selangor

"Orang ramai yang nak menjadi usahawan tak perlu lagi ke hulu ke hilir untuk berurusan dengan bank atau mana-mana agensi.

"ETC ini memudahkan, semuanya ada merangkumi bantuan, pendidikan dan pembiayaan sekaligus.

"Buat masa sekarang, kita sedang membangunkan projek perintis ETC ini di Bangunan UMNO Selangor Dua tingkat di khususkan untuk ETC di Selangor.

"Jika BN diberi mandat di Selangor, kita akan perluaskan inisiatif ini," katanya yang juga Pengerusi BN Selangor pada sesi interaksi bersama Menteri di



Pengunjung mencuba produk keluaran usahawan di Bukit Jalil, semalam.



ETC ini memudahkan, semuanya ada merangkumi bantuan, pendidikan dan pembiayaan sekaligus"

**Noh Omar,**  
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kapsul@ Himpunan Usahawan Bumiputera (HUB) 2018 di Axia-ta Arena di sini, semalam.

## Siap garis panduan

Dalam perkembangan lain, Noh berkata, kementeriannya sudah menyiapkan garis panduan perniagaan *food truck* dan ia dijangka dibentang ke Kabinet pada minggu depan.

Apabila lulus kelak, garis panduan itu akan menjadi rujukan pihak berkuasa tempatan (PBT) pada peringkat kebangsaan.

"Kita dapat banyak rungutan daripada peniaga *food truck* berhubung beberapa perkara antaranya membabitkan bayaran lesen dan sewa tapak tidak sama kerana sekarang ini belum ada garis panduan.

"Peniaga *food truck* ini rasa mereka seperti pelarian. Insyallah, bila selesai garis panduan ini PBT dapat selaraskan perniagaan *food truck*," katanya.

Beliau berhasrat untuk meneliti semula cadangan untuk tidak mengenakan lesen perniagaan kepada peniaga kecil.